

Helikopter Membawa Orang Kenamaan Hilang Dari Radar,Kerajaan Tubuh Pasukan Khas Untuk Mencari Dan Menyelamat – Zahid Hamidi

By admin

May 6, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Insiden kehilangan helikopter yang membawa beberapa orang kenamaan (VIP) yang telah terputus hubungan ketika dalam perjalanan dari Betong ke Kuching pada petang Khamis.Kerajaan telah menubuhkan pasukan khas yang bertindak untuk melakukan operasi mencari dan menyelamat.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman telah mengesahkan sebuah helikopter dalam penerbangan dari Betong ke Kuching dilaporkan hilang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata,antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), pihak bomba serta polis marin yang turut di ketuai oleh Polis Diraja Malaysia dalam usaha mencari dan menyelamat mangsa.

Menurut Zahid Hamidi,helikopter itu yang bergerak pada jam 4.15 petang dan sepatutnya sampai ke Kuching pada jam 5 petang,tetapi hubungan terputus dan kita telah dapat maklumat ia hilang di kawasan Sebuyau berhampiran laut dan berpaya.

Susulan itu pihak polis telah bertindak dengan menghantar masuk satu Pasukan Gerak Am (PGA) dan marin untuk melakukan tinjauan dan siasatan dan pasukan keselamatan telah pun berada di sana selepas maklumat di terima.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berharap seluruh rakyat Malaysia mendoakan agar kumpulan SAR akan mendapat maklumat tentang kelima-lima penumpang di dalam helikopter itu.

Antara penumpang helikopter jenis AS350 itu terdiri daripada YB Dato Noriah Kasnon, Tuan Asmuni Abdullah, Datuk Dr Sundaran Annamalai, Dato Wan Mohamad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan pengawal peribadi Ahmad Sobri Bin Harun.

Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/05/06/helikopter-membawa-orang-kenamaan-hilang-dari-radarkerajaan-tubuh-pasukan-khas-untuk-mencari-dan-menyelamat-zahid-hamidi/>